

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 28 Jun 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, MEI 2023

Indeks Nilai Seunit Eksport & Import masing-masing merosot 0.2 peratus

PUTRAJAYA, 28 JUN 2023 – Indeks nilai seunit eksport dan import susut 0.2 peratus pada Mei 2023, dengan eksport jatuh daripada 141.9 mata pada bulan sebelumnya kepada 141.7 mata manakala import jatuh daripada 128.2 mata kepada 127.9 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 110.8 mata pada Mei 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Mei 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, “Indeks nilai seunit eksport jatuh 0.2 peratus pada Mei 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.9%), minyak galian (-0.1%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.1%). Dalam pada itu, indeks volum eksport meningkat 13.9 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan kenaikan indeks minyak galian (+29.5%), pelbagai barang keluaran kilang (+25.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+8.0%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim

berkembang 24.9 peratus daripada 136.3 mata kepada 170.3 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit jatuh 4.7 peratus manakala indeks volum eksport meningkat 4.2 peratus.”

Indeks nilai seunit import turut merosot pada Mei 2023 dengan 0.2 peratus, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.5%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.8%) dan bahan kimia (-0.2%). Manakala, indeks volum import meningkat 12.8 peratus pada Mei 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (+24.4%), bahan kimia (+19.1%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+6.7%). Indeks volum import pelarasan bermusim turut meningkat 18.8 peratus daripada 157.6 mata kepada 187.2 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import susut 3.5 peratus manakala indeks volum meningkat 0.4 peratus.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 110.8 mata pada Mei 2023, didorong oleh kenaikan indeks minyak galian (+4.7%), barang-barang keluaran kilang (+0.9%) dan bahan mentah tidak boleh dimakan (+0.8%). Terma perdagangan Malaysia jatuh 1.2 peratus tahun ke tahun daripada 112.1 mata pada Mei tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan *MyStats Day* adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2021 – Mei 2023**

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

28 JUN 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, June 28th 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, MAY 2023**

Export & Import Unit Value Indices declined by 0.2 per cent respectively

PUTRAJAYA, JUNE 28, 2023 – Export and import unit value indices declined 0.2 per cent in May 2023, with exports falling from 141.9 points in the preceding month to 141.7 points while imports fell from 128.2 points to 127.9 points. In the meantime, Malaysia's terms of trade rose by 0.1 per cent month-on-month to 110.8 points in May 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), May 2023**. This publication presents the unit value and volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

According to the Department of Statistics Malaysia, "The export unit value index fell by 0.2 per cent in May 2023 as compared to the previous month, attributed to the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-1.9%), mineral fuels (-0.1%) and miscellaneous manufactured articles (-0.1%). Meanwhile, the export volume index increased by 13.9 per cent in the same month, in line with the increase in the index of mineral fuels (+29.5%), miscellaneous manufactured articles (+25.2%) and machinery & transport equipment (+8.0%). The seasonally adjusted export volume index grew by 24.9 per cent from 136.3 points to 170.3 points. For year-on-year comparison, the export unit value index plummeted 4.7 per cent while the volume index increased by 4.2 per cent."

The import unit value index also dropped by 0.2 per cent in May 2023, led by the decrease in the index of mineral fuels (-4.5%), animal & vegetable oils & fats (-1.8%) and chemicals (-0.2%). While, the import volume index increased by 12.8 per cent in May 2023 as compared to the previous month, attributed to the rise in the index of mineral fuels (+24.4%), chemicals (+19.1%) and machinery & transport equipment (+6.7%). The seasonally adjusted import volume index also went up by 18.8 per cent from 157.6 points to 187.2 points. For year-on-year comparison, the import unit value index fell 3.5 per cent, while the volume index increased by 0.4 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported that Malaysia's terms of trade rose by 0.1 per cent month-on-month to 110.8 points in May 2023, in accordance with the increase in the index of mineral fuels (+4.7%), manufactured goods (+0.9%) and inedible crude materials (+0.8%). Malaysia's terms of trade shrank by 1.2 per cent year-on-year from 112.1 points in May of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

DOSM will release Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance to the release of Quarterly GDP.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2021 – May 2023

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

28 JUNE 2023